From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 3 July, 2022 8:14:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM-Bank Islam Rintis Peluang Kerjasama Bangunkan Keusahawanan Pelajar

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 JULAI 2022 / 3 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM-BANK ISLAM RINTIS PELUANG KERJASAMA BANGUNKAN KEUSAHAWANAN PELAJAR



UUM ONLINE: Kehadiran delegasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang membuat kunjungan hormat ke Pejabat Naib Canselor hari ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi kerjasama antara Universiti Utara

Malaysia (UUM) dengan institusi perbankan tersebut.

Kedatangan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed disambut Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah di Bilik Mesyuarat Naib Canselor.

Haim Hilman berkata, UUM sentiasa terbuka untuk menjalinkan kerjasama dengan rakan industri termasuk institusi kewangan seperti Bank Islam khususnya berkaitan pembangunan keusahawanan pelajar.

Menurutnya, UUM berhasrat membangunkan hab untuk pelajar berniaga memandangkan cadangan tapak perniagaan sudah dikenal pasti dan hanya memerlukan suntikan dana daripada Bank Islam untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Katanya, selain perniagaan *'online'* yang diusahakan pelajar, beliau mahu segala bentuk aktiviti perniagaan dapat dipusatkan di satu kawasan yang mungkin dinamakan sebagai Dataran Bank Islam yang menghimpunkan peniaga terdiri daripada pelajar kampus ini.

"Selain itu, UUM juga mempunyai pelajar berpotensi yang boleh Bank Islam pilih untuk dijadikan sebagai 'management trainee'. Di samping itu, kita juga menawarkan tempat kepada staf Bank Islam yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi.

"Kita mahu menjadi rakan strategik kepada Bank Islam dengan menawarkan pelbagai peluang kerjasama yang berpotensi, seterusnya menyumbang kepada kedua pihak, selain pelajar, masyarakat setempat dan generasi akan datang," katanya yang turut melahirkan hasrat menjadikan UUM sebagai *'back office'* kepada Bank Islam.

Haim Hilman berkata, beliau juga berterima kasih kepada Bank Islam yang saban tahun menyumbangkan bantuan zakat kepada pelajar UUM dari golongan B40.

Sementara itu, Mohd Muazzam berkata, hubungan kerjasama antara BIMB dan UUM sudah semakin kuat dari setahun ke setahun.

Menurutnya, sebagai institusi kewangan, pihaknya juga ingin memberi ruang kepada pelajar untuk berniaga, justeru telah memperluaskan kemudahan pembiayaan mikro kepada pelajar menerusi BangKIT yang dilancarkan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dua tahun lalu.

Katanya, banyak peluang kerjasama yang boleh diterokai bersama dengan UUM yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang khususnya pengurusan dan perniagaan.

"BIMB bersedia untuk bekerjasama dengan lebih lanjut dengan UUM bukan sahaja untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan, malah program bersama komuniti," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.